

BAB IV

KESAN POSITIF DAN NEGATIF TAMADUN BARAT DAN PERBANDINGAN DENGAN TAMADUN ISLAM

4.1 PENDAHULUAN

Jelas sekali tamadun Barat adalah satu tamadun yang mempunyai kesan positif dan baik kepada kehidupan manusia. Tamadun ini telah mampu memberi kepada manusia kebolehan dan kekuatan yang belum pernah diberikan oleh sesiapapun sebelumnya.

Tamadun ini mempunyai beberapa ciri istimewa, antaranya adalah perkembangannya tidak pernah beku. Ia beralih dari satu perkembangan ke perkembangan lain, dari zaman wap ke era elektrik, lalu ke abad atom dan nuklear, elektron, membelah angkasaraya, revolusi biologi dan kejuruteraan genetik, yang mempunyai kesan merbahaya bagi kehidupan manusia serta memberi pengaruh pada alam sekitar dan keseimbangannya.³⁹

Akan tetapi, perkembangan dan kemajuan yang dibawa tamadun Barat merupakan senjata bermata dua. Ia dapat dipergunakan untuk perkara yang baik dan juga untuk perkara yang buruk.

³⁹ Dr. Yusof al-Qardawi (1999), *op.cit.*, h. 33

Dunia 'ciptaan' tamadun Barat pada pandangan zahir semakin kecil yang disifatkan sebagai sebuah kampung bukanlah kebaikan sepenuhnya, sebaliknya kemungkinan ia membawa bersamanya keburukan yang banyak. Dunia cukup bimbang dengan kesan yang negatif lagi menghancurkan daripada media elektronik dan media cetak yang semakin canggih secara langsung dari seluruh dunia.

Kesimpulannya, tamadun 'ciptaan' Barat hanyalah tamadun peralatan dan mesin, bukannya tamadun yang mempunyai matlamat dan tujuan. Inilah rahsia penderitaan dan kekurangan yang dialami oleh tamadun ini yang diperjelaskan dalam bab ini.

4.2 SIFAT DAN CIRI ASAS PEMIKIRAN BARAT

Pemikiran Barat adalah adalah satu bentuk pemikiran khas yang mempunyai sifat dan ciri khusus yang berbeza dengan pemikiran Timur. Secara umumnya pemikiran Timur adalah milik orang Arab dan Islam. Secara khususnya yang merupakan ciri asas yang mendalam akar umbinya yang terus mewarnainya semenjak awal perkembangannya di negara Greek dan peralihannya ke negara Rom hingga ia berpindah ke Negara Eropah moden. Kemudiannya ia meluas ke negara Amerika.

Pemikiran ini terpengaruh oleh faktor-faktor sejarah sewaktu terjadinya pelbagai pergelutan dalam abad pertengahan yang meninggalkan "acuan" padanya yang dapat dilihat pada hari ini.

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan lima ciri pemikiran Barat⁴⁰ di dalam bukunya *Al-Islam... Hadārat al-Ghād*. Ciri-ciri tersebut adalah :

4.2.1 Kecelaruan Dalam Mengenal Allah

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan bahawa sifat pertama bagi pemikiran Barat adalah kecelaruan terhadap hakikat ketuhanan.

Pemikiran Barat tidak memperolehi petunjuk kepada iman yang sahih terhadap pencipta alam semesta dan pengurusnya. Mereka tidak mengenal hakikat ketuhanan yang Maha Sempurna, Maha Mengetahui, Maha Berkuasa, Maha Penyayang. Ini disebabkan mereka tidak mengenal secara langsung kenabian yang membawa kepada pintu hidayah dan wahyu yang maksum sebagaimana yang kita ketahui melalui sejarahnya.

Dari sini pemikiran Barat berjalan bersendirian mencari dan menyelidiki hakikat ketuhanan, lalu ia tergelincir dan tersungkur lantas ia dikuasai oleh keraguan, kebimbangan dan hawa nafsu.

4.2.2 Aliran Materialisme.

Dr. Yusof al-Qardawi menjelaskan bahawa pemikiran Barat adalah pemikiran materialisme yang memandang rendah terhadap perkara-perkara spiritual.

⁴⁰ Ibid., h. 15

Pemikiran ini hanya memperkirakan perkara yang dijangkau oleh pancaindera (*hissi*) dan tidak memperkirakan perkara metafizik (*maknawi*).

Ia tidak beriman dengan Tuhan Pencipta semesta alam ini, tidak meyakini para Rasul yang diturunkan wahyu kepada mereka, tidak meyakini kekalnya roh manusia, tidak meyakini adanya kehidupan lain setelah kehidupan dunia, tidak meyakini adanya alam ghaib yang berbeza dengan dunia yang dapat dilihat ini. Ini disebabkan semua ini tidak dapat dilihat oleh pancaindera dan berada diluar jangkuan pemerhatian dan eksperimen.

Seorang tokoh ilmuan Eropah yang ulung iaitu Leopold Weiss ⁴¹ (1900 - 1992) yang berbangsa Austria yang telah memeluk Islam dengan nama Islamnya Muhammad Asad. Beliau menyebutkan dalam sebuah buku karangannya yang bertajuk "*Islam at the Crossroads*" (1934) :

"Halatuju agama sentiasa berasaskan kepada keyakinan bahawa di sana ada suatu sistem hukum dan tatacara adab yang bersifat mutlak lagi menyeluruh bahawa kita sebagai manusia moden yang tidak memperkirakan langsung keperluan tunduk kepada sesuatu kecuali mereka hanya tunduk kepada kepentingan ekonomi, sosial ataupun kebangsaan. Sembahan mereka yang sebenarnya bukan dari jenis yang spiritual, yang disembah adalah kemewahan"

Materialisme inilah yang banyak meninggalkan kesan negatif yang begitu mendalam kepada tamadun ini dan inilah salah satu daripada sifat yang menyebabkan runtuhnya sesebuah tamadun.

⁴¹ From Leopold Weiss to Muhammad Asad, <http://www.renaissance.com.pk/maylefor2y2.html>, 7 Julai 2002

4.2.3 Aliran Sekularisme

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan bahawa agama menurut pandangan Barat adalah hubungan antara manusia dan Tuhannya. Tempatnya adalah di hati dan tidak dibenarkan melepas dinding gereja atau rumah ibadat.

Bukan urusan agama untuk mengatur kehidupan dengan undang-undang dan kewajipan yang mesti dipatuhi atau mewajibkan ajaran-ajaran dan hukum hakam ke atas institusi-institusi yang mengurus dan mengatur urusan masyarakat seperti urusan pendidikan, sosial, ekonomi, kebudayaan, pemikiran, pentadbiran, politik dan perundangan.

Pemikiran Barat menolak agama dengan membelenggunya dengan rantai dan tidak membenarkannya hidup kecuali dalam keadaan hati nuraininya terhina. Sekiranya ia keluar, ia sekadar ke gereja dan biara pada hari Ahad dan tidak lebih daripada itu.

Selain daripada materialisme, sekularisme juga adalah salah satu daripada pembunuhan kepada kemajuan tamadun dan peruntuh kepada kepercayaan kepada Pencipta yang sebenar.

Bibliography

Finance Committee on Corporate Governance (1999), Report on Corporate Governance, Malaysia.

Finance Committee on Corporate Governance (2001), Malaysian Code on Corporate Governance, Malaysia : Malayan Law Journal Sdn Bhd

Frank H Easterbrook and Daniel R Fischel (1991), The Economic Structure of Corporate Law, USA : Harvard University Press.

Josef Esy Ruin (2001), Essentials of Corporate Management, Malaysia : Malaysian Institute of Corporate Governance.

Margaret M Blair (1995), Ownership and Control: Rethinking Corporate Governance for the Twenty First Century, UK : Brooking Institute.

The Cadbury Committee Report (1992), The Report of the Financial Aspects of Corporate Governance, UK.

N Balasubramaniam, ed. (1999), An international perspective on Corporate Boards and Governance, Malaysia : Malaysian Insurance Institute.

Selain daripada itu, wujudnya konflik antara bangsa dan jenis khususnya rasa perkauman, adanya rasa lebih tinggi daripada setiap bangsa. Contoh yang paling ketara dan masih dapat disaksikan adalah perbezaan kulit putih dan kulit hitam yang berlaku di Amerika, Afrika dan negara-negara lain.

Pelbagai konflik yang berlaku juga menyebabkan pemikiran Barat dipandang sebagai suatu yang bakal menemui kegagalan dan ketempangan dalam perjalanannya.

4.2.5 Merasa Lebih Tinggi Di Atas Bangsa Lain

Di antara ciri pemikiran Barat ialah rasa lebih tinggi atas bangsa yang selainnya. Mereka berkeyakinan bahawa mereka adalah lebih unggul daripada bangsa lain dan lebih suci darahnya. Mereka telah diciptakan untuk memimpin, memerintah dan menguasai. Sedangkan bangsa lain diciptakan untuk mengabdi dan tunduk kepada mereka.

Perbezaan bangsa secara ilmiahnya telah ditolak dan disangkal, tetapi dari sudut psikologinya ia masih belum hilang dan kesannya masih ada pada kebanyakan orang Barat dengan menunjukkan kesan tersebut dalam hubungan dengan bangsa yang lain.

Kesimpulannya sifat dan ciri asas pemikiran Barat mempunyai kesan dan pengaruhnya terhadap sikap, perilaku serta hubungan sesamanya dengan bangsa

lain. Sifat dan ciri asas pemikiran inilah yang diterjemahkan kepada keadaan dunia Barat yang dapat kita lihat dihari ini.

4.3 KESAN POSITIF TAMADUN BARAT

Tamadun Barat mempunyai kesan positif dan hasil yang baik bagi kehidupan manusia sekiranya diperhatikan dengan adil dan teliti. Ini memang tidak dapat disangkal lagi dengan apa yang telah dirasai oleh setiap manusia dalam dirinya dan dipersekutuarannya.

Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan realiti yang dapat diperhatikan bahawa tamadun Barat memiliki aspek-aspek positif yang mesti dimanfaatkan di antaranya adalah kemajuan ilmu pengetahuan dan aplikasi teknologi, pentadbiran dan pengurusan yang baik dan tumpuan kebebasan dan hak asasi manusia.

4.3.1 Ilmu Pengetahuan dan Aplikasi Teknologi

Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan bahawa ilmu pengetahuan dan aplikasi teknologi yang sebenarnya adalah milik kita dan berasal daripada kita yang mesti kita ambil semula. Asasnya telah diambil daripada tamadun kita. Akan tetapi sekarang, setelah berlakunya lonjakan kemajuan yang luar biasa ia menjadi ilmu pengetahuan dan teknologi Barat.

Ini dapat kita perhatikan teknologi tamadun ini berjaya memendekkan jarak untuk manusia, mendekatkan tempat dan menjimatkan masa dengan adanya

pengangkutan moden seperti kapal, keretapi, kereta dan kapal terbang. Perkembangan teknologi ini terus ditingkatkan dengan terhasilnya beberapa lagi keajaiban tamadun ini seperti teknologi komunikasi telefon, teleks, faksimili, televisyen dan sebagainya.

4.3.2 Kemajuan Pentadbiran dan Pengurusan

Selain daripada kemajuan ilmu dan aplikasi teknologi, Dr. Yusof al-Qardawi menambah lagi bahawa tamadun ini juga membawa kemajuan pentadbiran dan pengurusan yang baik. Pentadbiran dan pengurusan yang baik daripada tamadun ini di dalam urusan-urusan kehidupan di mana Barat telah mencapai prestasi yang besar.

Dalam tamadun ini manusia dapat menghasilkan perlembagaan-perlembagaan yang menetapkan hak dan kewajipan bagi pihak pemerintah dan rakyat yang mesti dilakukan oleh pihak yang berkuasa. Manusia mendapat jaminan berterusan perkara ini melalui jalan demokrasi, di mana yang majoriti akan menentukan pemerintahan melalui pilihanraya bebas. Dengan cara ini pemerintahan diperolehi dan ia tidak dimonopoli oleh kumpulan atau parti tertentu sahaja.

4.3.3 Tumpuan Kepada Kebebasan dan Hak Asasi Manusia

Manakala kesan positif yang terakhir yang disebutkan oleh Dr. Yusof al-Qardawi adalah perhatian tamadun ini terhadap kebebasan manusia, hak-hak asasi manusia,

jaminan dan penindasan penguasa. Ini adalah sudut positif demokrasi politik Barat.

Inilah kesan-kesan positif yang dibawa oleh tamadun Barat yang boleh digunakan sebagai memenuhi tuntutan kemudahan dan keperluan hidup. Aspek-aspek ini tidak mungkin kita abaikan meskipun kita mesti menyaring apa yang kita ambil dari mereka dengan menambah, mangurangi atau mencantumnya sehingga ia dapat menyesuaikan diri dengan nilai-nilai yang kita miliki.

4.4 KESAN NEGATIF TAMADUN BARAT

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan bahawa tamadun Barat mempunyai kesan positif, tetapi kalau diteliti dengan mendalam terdapat suatu kekurangan dan ketempangan yang berlaku. Berdasarkan kepada sifat dan ciri asas tamadun ini, jelas sekali ianya adalah bertentangan sama sekali dengan sifat dan ciri asas tamadun Islam yang didominasi oleh sumber wahyu dalam pembentukan tamadunnya.

Di sini dikemukakan beberapa kesan negatif yang dijelaskan oleh Dr. Yusof al-Qardawi yang berlaku dipersekutaran tamadun Barat.

4.4.1 Keruntuhan Akhlak

Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan kesan yang paling menonjol dan paling membahayakan daripada tamadun ini ialah terungkainya ikatan akhlak yang dibawa oleh setiap agama samawi dan ditunjukkan oleh semua risalah Allah.

Kini kita mendapati keruntuhan akhlak kesan daripada tamadun Barat amat ketara. Ianya bukan hanya meninggalkan kesan yang mendalam kepada anak muda Barat tetapi menular hingga ke segenap pelusuk dunia.

Beberapa contoh keruntuhan akhlak yang paling ketara yang dilaporkan diantaranya penyakit hasil daripada kegiatan seks haram dan songsang, kegiatan seks haram yang berleluasa, pengguguran dan juga perkahwinan sejenis atau abnormalisme.

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan berkaitan dengan Deklarasi Konferens Kependudukan di Kaherah pada 3 hingga 15 September 1994.⁴³ Deklarasi konferens anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini telah mendapat kecaman daripada dunia Islam kerana agenda yang dikecam adalah membenarkan pencerobohan terhadap hak untuk hidup dengan membenarkan pengguguran dan memperakui kebebasan seks.

Deklarasi yang dikemukakan dalam konferens sedunia ini, menimbulkan kemarahan dunia Islam seluruhnya. Pelbagai organisasi Islam yang besar

⁴³ The Cairo Conference Home Page, <http://www.iisd.ca/linkages/cairo.html>, 1 November 2002.

mengeluarkan pernyataan menentangnya antaranya *Majma' Al-Buhuth Al-Islamiyyah Al-Azhar, Haiah Kibar al-'Ulama, Rabitah Al-'Alam Al-Islami*.

Sungguhpun Malaysia⁴⁴ dan negara-negara Islam yang lain turut menjadi perwakilan dalam konferensi ini, perwakilan-perwakilan ini tidak mampu untuk mengubah deklarasi tersebut. Apa yang terdapat dilakukan hanya menambahkan beberapa ayat pada penutup agenda konferensi tersebut iaitu :

"Adalah menjadi hak setiap negara untuk melaksanakan pengisytiharan ini sesuai dengan lingkungan nilai-nilai agama, akhlak dan budayanya sendiri, ia tidak mestilah melakukan apa yang bertentangan dengan nilai, syariat dan tradisinya."⁴⁵

Jelas kepada kita bahawa keruntuhan akhlak mendahului kesan negatif terhadap pemikiran Barat kerana pada asasnya jelas, iaitu kegagalan antara akhlak dan iman kepada Allah s.w.t berfungsi dan bekerjasama dengan baik dalam jiwa orang-orang Barat.

4.4.2 Kemusnahan Keluarga

Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan lagi, urutan daripada keruntuhan akhlak, kemusnahan keluarga adalah kesan yang kedua daripada kesan negatif tamadun Barat.

⁴⁴ Delegasi Malaysia diketuai oleh Dato' Napsiah Omar.

⁴⁵ Earth Negotiations Bulletin, <http://www.iisd.ca/linkages/vol106/0639026e.html>, 15 November 2002.

Kemusnahan institusi kekeluargaan adalah sangat jelas dan ketara. Sumber kekeluargaan telah rosak, airnya yang bersih tercemar oleh kuman-kuman materialisme yang membunuh dan individualisme yang mematikan. Maka retaklah keluarga dan terputuslah ikatan-ikatannya sedangkan ia adalah kelompok pertama bagi pembinaan struktur masyarakat.

Di antara permasalahan kekeluargaan yang timbul seperti tiada lagi perasaan kasih sayang sesama ahli keluarga, hamil luar nikah, kesibukan ibubapa bekerja, ibu sewaan dan pelbagai lagi masalah kekeluargaan. Antara yang lebih mengejutkan adalah wujudnya perkahwinan dengan kaum sejenis dan yang menentang konsep perkahwinan di mana mereka lebih suka hidup bersama tanpa mempunyai ikatan perkahwinan yang sah.

Institusi kekeluargaan di Amerika menuju ke arah kehancuran. Ini telah pun ditunjukkan di awal pembinaan institusi kekeluargaan lagi, di mana permulaan perkahwinan telah jelas tandanya. Ini adalah berkaitan dengan kadar perceraian yang begitu tinggi berbanding kadar pasangan yang masih kekal sebagai suami isteri setelah menjalani proses perkahwinan.

4.4.3 Kegelisahan Jiwa

Setelah mengalami keruntuhan akhlak dan kemusnahan keluarga, manusia mana yang akan rasa aman daripada kegelisahan dan juga keresahan jiwa. Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan bahawa kegelisahan dan keresahan jiwa tidak akan mampu

diubati dengan segala bentuk kemewahan dan kesenangan material yang melimpah ruah.

Sungguhpun kemewahan dan kesenangan material juga mampu memberikan kebahagiaan tetapi bukanlah sebuah kebahagiaan dan kesenangan yang sebenarnya.

Ketenangan jiwa menjadi sumber utama untuk memperoleh kehidupan yang bahagia. Tetapi bagaimana jalan untuk mencapai ketenangan, kalau bukan sesuatu yang dapat dihasilkan oleh kecerdasan dan pengetahuan. Jelas sekali kepada kita bahawa ketenangan yang hakiki tidak akan terhasil daripada kesenangan material atau kebendaan, tetapi ianya akan diperolehi daripada satu sumber iaitu beriman kepada Allah dengan keimanan yang benar dan mendalam, tidak dicampuri ragu-ragu dan kepalsuan.⁴⁶

Kehidupan yang dilingkungi dengan kemewahan materialistik semata-mata akhirnya akan menambahkan lagi kegelisahan jiwa masyarakat. Kegelisahan ini akan terjadi apabila usia mereka semakin lanjut dan kesunyian tambahan pula bagi yang tidak berkahwin pada masa mudah dan sudah pasti tidak mempunyai keluarga dan anak-anak.

Selain daripada itu, fenomena membunuh diri. Mereka memutus usia kehidupan mereka kerana alasan yang sangat remeh kerana mereka tidak mempunyai benteng iman yang dapat mengukuhkan diri mereka. Mereka tidak

⁴⁶ Dr. Yusof al-Qardāwi (1985), *Iman dan Kehidupan*, Fachruddin HS (terj.) c. 1. Selangor : Dewan Pustaka Fajar, h. 80 – 81

mempunyai keluarga yang memberi teduhan dan tidak mempunyai lingkungan masyarakat yang mencintai mereka.

Tetapi yang paling menghairankan apa yang dialami oleh masyarakat Barat adalah fenomena bunuh diri di kalangan remaja belasan tahun, padahal mereka merupakan kuncup-kuncup bunga yang masih mekar.

Inilah jalan penyelesaian yang diambil oleh masyarakat Barat bagi menyelesaikan masalah tanpa berfikir dengan rasional di samping tiada suatu bentuk tegahan yang ada pada kepercayaan dan keyakinan mereka.

4.4.4 Kecelaruan Akal

Krisis tamadun Barat tidak terhenti pada pengaruh-pengaruh yang menggerikan daripada keruntuhan akhlak, keretakan keluarga, rasa kecemasan dan keterasingan.

Loncatan ilmu pengetahuan yang mampu menundukkan dunia material ini dan akhirnya sampai pada revolusi teknologi, revolusi biologi, revolusi telekomunikasi dan revolusi pengangkutan, ia tidak mampu memperbaiki manusia.

Sebaliknya ia terus menambah krisis dan kerosakan sehingga munculnya rumah sakit khusus yang menangani penyakit-penyakit ini. Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan bahawa diperkirakan ada ratusan ribu orang yang mengalami

gangguan jiwa. Angka ini menunjukkan sejauhmana kesiapan manusia moden untuk menghadapi realiti hidup dan bagaimana masalah kesihatan mental dipandang sebagai masalah yang paling utama yang sedang dihadapi oleh masyarakat moden.

Penyakit mental adalah penyakit yang berbahaya dan penyakit ini hendaklah sentiasa mendapat perhitungan dan perhatian kerana ia akan melemahkan kekuasaan dan kecemerlangan yang dipegang oleh sesuatu bangsa.

4.4.5 Jenayah dan Ketakutan

Setelah kita melihat semua kesan negatif tamadun ini, apa lagi yang harapkan dalam masyarakat yang dikuasai oleh fahaman materialisme dan individualisme sehingga hancurnya akhlak, runtuhnya keluarga, kegelisahan jiwa dan gangguan mental?

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan lagi, setelah sesebuah masyarakat dikuasai oleh kesemua malapetaka ini, pasti masyarakat tersebut akan dikuasai pula satu lagi kuasa iaitu jenayah.

Apabila berleluasanya jenayah, sesebuah masyarakat akan dihinggapi rasa ketakutan dalam kehidupan. Bagaimana kehidupan akan aman sekiranya hidup seharian dilingkari oleh pelbagai rasa ketakutan?

Ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam surah al-Nahl ayat 112 :

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ أَمَنَةً مَطْئِنَةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا
رَغْدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرُتْ بِأَنَعْمَانَ اللَّهِ فَأَذْقَاهَا اللَّهُ لِبَاسٍ
الجُوعُ وَالخُوفُ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ⁴⁷

Maksudnya :

Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu misalan : Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang telah mereka lakukan.

Inilah kemuncak kepada kesan negatif tamadun Barat yang membelenggu masyarakat Barat. Mereka hidup dalam cengkaman ketakutan yang amat sangat disebabkan kehidupan mereka yang dikepung dengan pelbagai jenayah yang berlaku di sekeliling mereka.

4.5 HALANGAN-HALANGAN DALAM USAHA MEMBAWA BARAT KEPADA PETUNJUK ISLAM

Hanya Islam yang dapat menyelamatkan Barat daripada penderitaan yang sedang dialaminya dari sudut spiritual, akhlak, psikologi dan sosial. Hanya Islam yang mampu menyelamatkan tamadun Barat daripada tenggelam dalam lautan kegelapan, lautan materialisme, pragmatisme, egoisme dan sekularisme.

Akan tetapi sayangnya, terdapat berbagai halangan yang menghalang Barat untuk dapat menemui petunjuk Islam. Di antara halangan-halangan yang

⁴⁷ Al-Qur'ān, Surah Al-Nahl : 16 : 112

telah disebutkan oleh Dr. Yusof al-Qardawi dalam *Al-Islam : Hadarat Al-Ghad*⁴⁸ adalah :

4.5.1 Halangan Dalaman

Halangan dalaman adalah halangan yang wujud disebabkan oleh permasalahan umat Islam sendiri yang menjadi faktor penghalang bagi membawa Barat kepada petunjuk Islam.

Halangan ini adalah berkaitan dengan kelemahan umat Islam sendiri. Ramai di kalangan umat Islam menzalimi Islam secara nyata dan ini akan memberikan gambaran yang buruk pada Islam.

Penganut aliran rasionalisme⁴⁹ di kalangan umat Islam misalnya. Mereka ingin menerangkan Islam dengan penjelasan yang menjadikan konsep dan nilai Barat menjadi konsep dan nilai Islami. Mereka melakukannya dengan cara mengeksploitasi teks-teks Al-Qur'an dan Al-Hadith untuk mendokong aliran mereka.

Ini akan menyebabkan orang-orang Barat tidak tertarik kepada Islam kerana apa yang dikemukakan oleh umat Islam adalah penemuan mereka sendiri, cuma dinisbahkan kepada nama Islam.

⁴⁸ Dr. Yusof al-Qardawi (1999), *op.cit.*, h. 240

⁴⁹ pendirian bahawa akal fikiran dan pemikiran yang sihat harus menjadi asas menyelesaikan masalah (mengatasi sesuatu dan sebagainya) Kamus Dewan, h. 1034

Selain daripada penganut aliran rasionalisme, ada lagi sekelompok lagi yang menjadi halangan adalah kelompok yang mempersempahkan Islam dengan bentuk ganas. Kelompok ini juga menjadi duri dalam daging bagi umat Islam.

Ringkasnya, halangan dalaman adalah daripada kelemahan umat Islam itu sendiri yang gagal membentuk keperibadian yang mampu untuk menarik Barat kepada petunjuk Islam. Masyarakat Barat yang memerhatikan tingkah laku masyarakat Islam yang bertentangan dengan Islam sendiri dan tidak mempunyai sikap dan sifat sepetimana yang digambarkan sebagai masyarakat yang dipimpin oleh wahyu Allah s.w.t.

4.5.2 Halangan Luaran

Halangan luaran juga menyebabkan usaha membawa Barat kepada petunjuk Islam menemui kegagalan. Halangan luaran ini adalah halangan daripada pihak Barat sendiri iaitu berhubungan dengan kebongkakan mereka sendiri, semangat perang salib, takut pada Islam dan tipuhelah zionis.

4.5.2.1 *Kebongkakan Barat*

Halangan pertama ialah sifat bongkak Barat. Dunia Barat sompong dan memandang dirinya lebih unggul daripada dunia lain. Sikap ini ia warisi daripada tamadun Rom yang membahagikan umat manusia kepada dua kelas; bangsa Romawi dan bangsa Barbar. Bangsa Romawi adalah penguasa dan tuan sedangkan bangsa selain mereka adalah hamba.

Jika demikian halnya pandangan orang Barat tentang dirinya dan terhadap bangsa lain, maka sulit bagi mereka untuk menerima kebenaran petunjuk yang ada pada kita, sulit bagi mereka untuk mengaku sakit dan menerima kita sebagai doktor meskipun kita sebenarnya memiliki ubat dan penawarnya.

Contoh yang jelas adalah yang berlaku kepada Firaun dan para pengikutnya terhadap Nabi Musa a.s, berdasarkan kepada firman Allah s.w.t :

وَجَدُوا بِهَا وَاسْتِيقْنَتْهَا أَنفُسُهُمْ ظَلَمًا وَعَلَوْا فَانظَرْ كَيْفَ
كَانَ عَقْبَةُ الْمُفْسِدِينَ⁵⁰

Maksudnya :

Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh, sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana orang-orang yang melakukan kerosakan.

Dan firman Allah s.w.t lagi :

سَأَصْرِفُ عَنْ أَيِّتِيَ الَّذِينَ يَتَكَبَّرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ
الْحَقِّ وَإِنْ يَرَوْا كُلَّ أَيْةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ
الرُّشْدِ لَا يَتَخَذُوهُ سَبِيلًا وَإِنْ يَرَوْا سَبِيلَ الْغَيِّ يَتَخَذُوهُ
سَبِيلًا ...⁵¹

Maksudnya :

Aku akan memalingkan (hati) orang-orang yang sombong takbur di muka bumi dengan tiada alasan yang benar dari (memahami) ayat-ayatKu (yang menunjukkan kekuasaanKu) dan mereka (yang bersifat demikian) jika mereka melihat sebarang keterangan (bukti), mereka tidak

⁵⁰ Al-Qur'ān, Surah Al-Naml : 27 : 14

⁵¹ Al-Qur'ān, Surah Al-A'raf : 7 : 146

beriman kepadaNya dan jika mereka tidak melihat jalan yang (membawa kepada) hidayah petunjuk, mereka tidak mengambilnya sebagai jalan yang dilalui. Dan sebaliknya mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus mengambilnya sebagai jalan yang dilalui...

4.5.2.2 *Semangat Perang Salib*

Semangat Perang Salib juga termasuk dalam halangan Barat menerima petunjuk Islam. Dendam mereka yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi, sejak kemenangan kaum Muslimin berjaya merebut kembali wilayah Islam daripada tangan mereka.

Sikap dan semangat ini dapat kita saksikan apa yang telah berlaku kepada umat Islam di Bosnia-Herzegovina lebih sedekad yang lalu. Pihak Barat hanya menjadi penonton terhadap apa yang telah dilakukan oleh tentera Serbia terhadap umat Islam di Bosnia-Herzegovina bahkan mereka lebih cenderung mendokong dan bermegah dengan kekuatan persenjataan mereka. Tekanan dan tindakan yang dikenakan kepada umat Islam di sana sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Sikap penentangan Barat terhadap Pakistan misalnya, ingin memiliki senjata nuklear, pada hal negara jirannya iaitu India telah memiliki kekuatan tersebut, begitu juga dengan China dan Israel. Ia boleh dimiliki oleh agama lain tetapi bukan agama dan umat Islam.

Dendam Perang Salib dapat dilihat dari sikap yang pelbagai. Antaranya, sikap Barat terhadap Israel dan masalah Palestin, sikap terhadap Revolusi Iran,

kemenangan parti FIS di Algeria, terhadap penerapan hukum syariah di Sudan dan terhadap pelbagai isu-isu Islam lainya.

Inilah yang menyebabkan terhalang mereka menerima petunjuk Islam disebabkan masih lagi terpahat dalam sanubari masyarakat Barat. Mereka masih berazam untuk membala dendam terhadap kekalahan mereka dalam Perang Salib yang menjadi sejarah hitam bagi masyarakat Barat.

4.5.2.3 *Takut Pada Islam*

Takut kepada Islam merupakan salah satu halangan Barat menerima risalah Islam. Mereka beranggapan bahawa Islam sebagai satu bahaya yang mengancam Barat yang akan menghancurkan mereka sendiri.

4.5.2.4 *Tipuhelah Zionis*

Barat beranggapan bahawa perkembangan Islam yang cepat pada masa lampau dan kebangkitannya pada masa sekarang, yang patut diwaspadai kekuatannya pada masa akan datang.

Jika Barat menganggap Islam sebagai musuh yang patut selalu diwaspadai sebagai bahaya yang patut dihalangkan kekuatan untuk memeranginya atau setidaknya untuk membatasi gerak dan peranannya.

Maka sebagaimana mungkin Barat dapat membuka matanya untuk melihat apa yang dikandung dalam Islam atau membuka telinganya untuk mendengarkan ajakan yang diseru oleh Islam?

4.6 LANGKAH MEMBAWA PETUNJUK ISLAM KEPADA BARAT

Bagi mendekatkan Barat kepada petunjuk Islam, sesuai dijelaskan disini beberapa langkah yang wajar untuk dilakukan. Ini telah dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi di dalam bukunya *Al-Islam : Hadarat al-Ghad*.

Berdasarkan sirah Nabi Muhammad s.a.w, baginda memperakui banyak perkara yang pernah ada pada zaman jahiliyah yang berkaitan dengan hubungan sosial dan pelbagai lagi. Langkah baginda s.a.w untuk mendekatkan masyarakat jahiliyah pada ketika itu adalah menerima apa yang sering dilakukan oleh masyarakat jahiliyah dengan dikenakan syarat dan peraturan supaya ianya selari dengan kehendak Islam.

Begitu juga dengan umat Islam yang mengadaptasi tamadun dari bangsa-bangsa lain, segala manfaat diambil dan disaring segala unsur yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam dan menjadikannya sebahagian dari sistem Islam.

Langkah kedua adalah alternatif yang ditawarkan oleh Islam kepada umat dunia khususnya masyarakat Barat berkaitan dengan Islam dan misi tamadun Islam itu sendiri.

Islam yang diharapkan adalah Islam yang pertama iaitu Islam Al-Qur'ān dan Al-Sunnah baginda s.a.w, sunnah Khulafa' Al-Rasyidin setelah baginda. Selain daripada itu, Islam yang memudahkan dan bukan menyusahkan, Islam yang menjanjikan kebahagiaan bukan Islam yang membuat orang lari daripadanya serta Islam yang penuh dengan kasih sayang bukan Islam yang menakutkan.

Justeru, yang jelas dan tepat sekali adalah Islam berdiri di atas asas akidah di mana ruhnya adalah tauhid. Asas ibadah yang ruhnya adalah keikhlasan, asas amal yang ruhnya adalah kebaikan, asas syariah yang ruhnya adalah keadilan dan asas ikatan yang ruhnya adalah persaudaraan. Maka hasil dari semua ini adalah tamadun yang ruhnya adalah keseimbangan dan keutuhan.

4.7 TAMADUN ISLAM SEBAGAI PERADABAN ALTERNATIF

Setelah kita melihat ciri-ciri tamadun Barat dan juga kesan-kesan yang dibawa bersama dengan perkembangannya, jelas kepada kita bahawa tamadun ini telah meninggalkan 'titik hitam' kepada peradaban manusia. Sungguhpun tamadun ini meninggalkan 'titik hitam' tetapi ada kebaikan dan positifnya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Apa yang berlaku, hasil daripada ketamadunan yang dibawa oleh Barat sebenarnya telah diperjelaskan oleh agama Islam yang dibawa oleh baginda Rasulullah s.a.w dan juga nabi-nabi dan rasul-rasul yang terdahulu. Tetapi disebabkan oleh kegagalan Barat untuk menerima Islam sebagai '*the way of life*'

menyebabkan mereka hanyut di buai gelombang dan mimpi ciptaan mereka sendiri.

Disebabkan mereka mempergunakan akal sepenuhnya untuk menilai kerelevenan Islam sebagai cara hidup dan gagal menerima Islam, akhirnya mereka tersungkur dan jatuh disebabkan jalan yang dipilih adalah jalan yang membawa mereka ke arah kehancuran dan kebinasaan.

Oleh itu, marilah kita melihat bagaimana Islam memimpin manusia ke arah satu bentuk tamadun yang ideal dan mampu menjadi alternatif kepada tamadun yang jelas membawa kepada beberapa kehancuran terhadap peradaban manusia dewasa ini.

4.8 HUKUMAN AL-QURAN TERHADAP TAMADUN MATERIALISTIK

Dr. Yusof al-Qardawi menambah lagi bahawa Al-Quran telah menyifatkan beberapa tamadun sebagai melampau dan membawa kerosakan kerana ia berdiri di atas asas dan perlumbangan materialisme, juga bermegah dengan kilang-kilang dan bangunannya yang mencakar langit.

Ini disebabkan pembangunan terhadap bumi tetapi bukannya pembangunan manusianya. Mereka mendirikan bangunan-bangunan, tetapi menghancurkan nilai, bekerja untuk dunia, tetapi melupakan akhirat, menggunakan segala nikmat Allah tetapi tidak melaksanakan kesyukuran kepadaNya.

Al-Quran telah memberikan contoh hukuman yang dikenakan kepada kaum 'Ad, Thamud dan Firaun yang telah disebutkan di dalam surah al-Fajr ayat 6 hingga 14 :

أَلْمَ تَرْكِيفُ فَعْلَ رَبِّكَ بَعْدَ إِرْمَ ذَاتِ الْعَمَادِ الَّتِي لَمْ يَخْلُقْ مِثْلَهَا فِي الْبَلَدِ وَثُمَودُ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ وَفَرْعَوْنُ ذِي الْأَوْتَادِ الَّذِينَ طَغَوْا فِي الْبَلَدِ فَأَكْثَرُوهَا فِيهَا الْفَسَادَ فَصَبَ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سُوتَ عَذَابٍ إِنْ رَبُّكَ لِبِالْمَرْصادِ⁵²

Maksudnya :

(Kami tetap akan membinasakan orang yang menentangmu wahai Muhammad), tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum 'Ad (yang kufur derhaka). Iaitu penduduk 'Iram' yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (sesuai dengan penduduknya). Yang belum pernah diciptakan sepertinya (tentang besar dan kukuhnya) di segala negeri (pada zamannya). Dan (terhadap) kaum Thamud yang memahat batu-batu besar di lembah (Wadi al-Qura – tempat tinggalnya). Dan (terhadap) Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal kukuh?. (Semuanya itu ialah) orang-orang yang telah bermaharajalela di negeri (masing-masing). Lalu mereka melakukan dengan banyaknya kerosakan dan bencana di negeri-negeri itu. Dengan demikian, Tuhanmu mencurahkan ke atas mereka berbagai paluan azab. Sesungguhnya Tuhanmu tetap mengawas dan membala (terutama balasan akhirat)

Dalam banyak ayat, al-Qur'an menegaskan bahawa kebangkitan dan kejatuhan satu-satu bangsa itu tidak berlaku secara kebetulan sahaja. Bahkan sebenarnya ia berlaku berdasarkan sunnah yang tetap dan tidak berubah.

Di antara punca-punca kehancuran ini adalah :

⁵² Al-Qur'an, Surah Al-Fajr : 89 : 6 – 14.

1. Sikap menentang terhadap ayat-ayat Allah dan para RasulNya.
2. Menuruti perintah penguasa yang zalim lagi ganas, hidup berfoya-foya, melakukan kerosakan di bumi tanpa melakukan pemberian seperti yang dilakukan oleh kaum 'Ad dan Tsamud.
3. Berbangga dengan pengetahuan materialistik, berpaling daripada ilmu wahyu seperti yang diceritakan oleh Allah pada akhir surah Ghafir.
4. Terpesona oleh kekuatan materialistik dan kekayaan harta dengan melupakan kemurkaan Allah, seperti yang dilakukan oleh Firaun dan Qarun.
5. Kezaliman dan kebongkakan yang keluar dari batas kebenaran, khususnya terhadap orang-orang miskin dan lemah seperti perbuatan bangsa Madyan dan kaum Nabi Shuib.
6. Melakukan perkara kotor di bumi dan kemungkaran secara terang-terangan tanpa ada upaya untuk menghentikannya seperti yang dilakukan Bani Israel.
7. Kufur pada nikmat Allah dan tidak mensyukuriNya. Bahkan mereka menggunakan kurniaan Allah itu untuk melakukan perbuatan maksiat.
8. Hidup boros dan melampau dalam kesenangan.⁵³

Inilah akibatnya tamadun dan umat yang sering mengkesampingkan perintah Allah dan mengingkari arahan dan ketetapan Allah s.w.t., maka diturunkan azab sebagai balasan di atas apa yang telah dilakukan. Ini adalah sebagai suatu pengajaran kepada umat-umat tersebut termasuk umat di zaman

⁵³ Dr. Yusof al-Qardāwi (1999), *op.cit.*, h. 139 - 140

moden ini supaya mengambil iktibar dan pengajaran daripada apa yang telah dilakukan dan balasan azab yang telah diturunkan Allah s.w.t.

Melihat kepada punca-punca keruntuhan sesebuah tamadun ini, jelas kebanyakan daripada punca itu terdapat pada tamadun Barat yang dicanangkan sebagai sebuah tamadun yang mampu memberikan kemajuan dan kepuasan hidup kepada semua pengamalnya.

4.9 TAMADUN YANG DICITAKAN OLEH DUNIA ADA PADA ISLAM

Dr. Yusof al-Qardawi menyebutkan bahawa manusia moden pada hari ini memerlukan tamadun baru yang memiliki satu misi dan falsafah yang berbeza dengan falsafah dan misi tamadun Barat.

Umat manusia menghajatkan satu tamadun yang dapat mengembalikan iman mereka kepada Allah dan ajaran Rasul-Nya, perjumpaan dengan-Nya, hari Hisab dan ganjaran-Nya, nilai-nilai transendental yang dapat menjadikan manusia berperikemanusiaan dan menjadikan hidup mereka bermakna.

Umat manusia sangat memerlukan tamadun baru yang memberikan ia agama, tetapi tidak kehilangan ilmu pengetahuan, yang dapat memberi keimanan tetapi tidak melenyapkan akal, yang memberikan akhirat tetapi tidak menghalang ia dari dunia, yang memberi kebenaran tetapi tidak menghalang ia dari kekuatan dan memberi akhlak tetapi ia tidak merampas kebebasan.

Affair pada tahun 1993. Beliau menyebutkan bahawa pertembungan antara dua peradaban adalah suatu kemestian.⁵⁴

Dalam Islam sungguhpun pertembungan ini berlaku, kita tidak akan terpesong kerana kita berada di atas jalan yang benar, jalan yang diiktiraf oleh Pencipta kita yang Maha Kaya Lagi Maha Berkuasa.

⁵⁴ Hubungan Antara Islam dan Barat, <http://www.geocities.com/Athens/Delphi/8973/said.html>, 22 Jun 2002